

Penternak pindah 100,000 benih keli elak rugi besar

BH 23/11/23 m/s 17

Sangkar diikat pada pokok lebih awal elak dihanyut arus deras ketika musim tengkujuh

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kuala Krai: Bagi mengelakkan kerugian besar pada musim tengkujuh, penternak ikan sangkar, Rohaimin Yusoff, 51, memindahkan benih ikan keli ke dalam sembilan kolam di halaman rumahnya di Kampung Batu Lada, Mengkebang.

Rohaimin berkata, pemindahan kira-kira 100,000 benih ikan itu terpaksa dilakukan kerana paras air Sungai Kelantan di Kuala Krai berubah-ubah ketika musim tengkujuh.

Katanya, anak ikan keli itu akan

dibawa semula ke sangkar selepas paras air sungai kembali normal.

Pernah rugi RM30,000

“Hanya benih keli yang dipindahkan ke dalam kolam, manakala spesies ikan patin, talapia, baung dan keli yang sudah matang dan sedia untuk dijual diletakkan di dalam sangkar.

“Saya mengambil langkah awal dengan mengikat sangkar pada pokok durian dan nangka berdekatan sungai, selain menyelenggara mana-mana sangkar yang rosak.

“Ini bagi mengelakkan lebih 20 sangkar yang menempatkan 45,000 spesis ikan patin, talapia, baung dan keli daripada dihanyutkan arus deras air sungai yang boleh berlaku pada bila-bila masa,” katanya di sini semalam.

Rohaimin berkata, pengalaman dua tahun lalu yang menyebabkan beliau kerugian hampir RM30,000 selepas kira-kira 10,000 ikan tilapia, patin dan baung terlepas dan mati akibat banjir membuatnya lebih bersedia setiap kali musim tengkujuh.



Rohaimin (kiri) dibantu pekerja mengangkat ikan untuk dihantar kepada pelanggan.

(Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)